

SISTEM PERTAHANAN UDARA STARSTREAK

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/644-sistem-pertahanan-udara-starstreak

TANJUNG LOGOK, 28 Mac 16 – Buat julung-julung kalinya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melancarkan tembakan misil Starstreak bagi menguji keberkesanan serta tahap kesiapsiagaan sistem persenjataan tersebut.

Sistem Starstreak merupakan inventori baharu ATM bagi menggantikan sistem misil Starburst. Ia adalah sistem pertahanan udara yang berkelajuan tinggi serta mampu memberikan keupayaan kuasa tembakan jitu dengan tahap kelajuan hampir 1,000 meter/saat.

Starstreak adalah sistem pertahanan dari permukaan ke udara (surface to air missile) yang merupakan satu elemen penting dalam sesebuah angkatan bersenjata. Aset baru ini akan digunakan pakai oleh ketiga-tiga cabang Perkhidmatan ATM serta ditempatkan di lokasi-lokasi di seluruh negara. Ia juga bertujuan melindungi sasaran penting dan kawasan berkepentingan.

Perolehan sistem misil Starstreak dan demonstrasi kuasa tembakan sistem tersebut pada hari ni merupakan salah satu inisiatif yang dirancang di bawah Teras Kesiapsiagaan. Teras Kesiapsiagaan digariskan sebagai salah satu daripada lima Teras yang menjadi hala tuju dan fokus Kementerian Pertahanan tahun ini. Empat lagi Teras ialah Transformasi PLKN, Keselamatan, Diplomasi Pertahanan, serta Kebajikan.

Turut hadir menyaksikan Tembakan Starstreak ini adalah Menteri Pertahanan, Timbalan Menteri Pertahanan, KSU dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.





